

KESEDARAN POLITIK MAHASISWA: DALAM PILIHAN RAYA KAMPUS DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

MOHD. FAUZI FADZIL

ABSTRAK

Pilihan raya Kampus menjadi perhatian para penganalisis politik dan peminat gerakan mahasiswa kerana ia menunjukkan tahap kesedaran rakyat Malaysia terhadap sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini, sama ada rakyat Malaysia sudah semakin matang dalam pemahaman demokrasi atau sebaliknya. Namun jumlah penglibatan mahasiswa yang tinggi dalam Pilihan raya Kampus gagal diterjemahkan ke dalam Pilihan raya Umum apabila statistik menunjukkan jumlah daftar mengundi di Malaysia semakin menurun dari Pilihan raya Umum 2008 sehingga Pilihan raya Umum 2013. Justeru, penulisan ini cuba mengkaji sama ada pendidikan demokrasi yang dilakukan di Institut Pengajian Tinggi Awam (melalui data yang diperolehi melalui Universiti Putra Malaysia) benar-benar mampu mendidik mahasiswa dalam memahami sistem demokrasi. Kajian ini menggunakan methodologi temubual mendalam yang melibatkan 20 orang mahasiswa Universiti Putra Malaysia dari bangsa Melayu, Cina dan India, kutipan data kajian ini dilakukan semasa hari mengundi Pilihan raya Kampus Universiti Putra Malaysia sesi 2013/ 2014. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pihak pentadbiran universiti yang dipertanggungjawabkan untuk mendidik mahasiswa berkenaan demokrasi telah gagal dalam menjalankan tugas mereka, mahasiswa masih tidak dapat memahami kepentingan dan tanggungjawab mereka dalam sistem demokrasi.

Kata Kunci: *Pilihan Raya Kampus, Mahasiswa, Pendidikan Demokrasi, Proses Sosialisasi, Institusi Pengajian Tinggi*

ABSTRACT

Campus election attracted a lot of attention especially among political analyst and student movement observers. It offers an understanding on the level of Malaysia students' awareness regarding democratic system, its processes and the students' level of maturity. Interestingly, although the number of university students' involvement on campus election is reported to be high, such progress was not well translated into the Malaysia general election. The statistic showed that the number of Malaysian who registered their name as voters had decrease from 2008 general election to the recent 2013 general election. Therefore, this paper is intended to examine whether the political education conducted in public higher education institutions was able to educate students on understanding the democratic system in our country. This study used qualitative methodology and performed in-depth interviews with 20 Universiti Putra Malaysia from the three ethnic background: Malay, Chinese and Indian. The data collection for this study was conducted during polling day for Universiti Putra Malaysia campus election session 2013/ 2014. The

results of this study shows that the university administration who are responsible to educate the university students on democracy had not been very successful on educating the students on the importance of democratic processes, elections and their responsibilities as citizens to the country.

Keywords: *Campus Election, University Students, Democratic Education, Socialization Process, Higher Education Institution*

PENDAHULUAN

Pilihan Raya Kampus (PRK) di Malaysia sangat penting untuk penganalisis politik kerana ia merupakan petunjuk kepada keadaan politik negara pada masa akan datang. Keadaan politik kampus terutama apabila menjelang PRK sangat diperhatikan oleh masyarakat Malaysia terutamanya di Universiti Malaya (UM) sehinggakan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berkenaan digelar sebagai Little Malaysia (Amirul Azam Zulkaffli, 2012). PRK merupakan aktiviti wajib yang telah diwartakan di dalam Akta Universiti Dan Kolej Universiti (AUKU), objektif PRK ialah untuk memilih satu organisasi mahasiswa yang digelar sebagai Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) untuk menjadi wakil kepada mahasiswa di sesebuah IPT. Terdapat sedikit perbezaan dalam proses Pilihan raya Umum (PRU) dengan PRK diperingkat IPT, PRU tidak dipaksa ke atas masyarakat Malaysia, hak untuk mengundi atau tidak mengundi terletak ke atas individu tetapi di sesetengah IPT proses pengundian seakan-akan dipaksa terhadap mahasiswa dengan perlaksanaan pelbagai peraturan dan ‘gula-gula’ yang mewajibkan mahasiswa untuk terlibat dengan PRK (Saifuddin Abdullah, 2014). Keadaan yang berlaku semasa PRK ini merupakan usaha pihak pentadbiran IPT untuk mendidik mahasiswa tentang kepentingan pilihan raya terhadap kestabilan negara, tetapi usaha yang dilakukan oleh golongan establishment semenjak tahun 1970-an sehingga sekarang tidak menunjukkan hasil yang memberangsangkan apabila Pengerusi Suruhanjaya Pilihan raya (SPR), Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof mendedahkan bahawa kebanyakan masyarakat Malaysia tidak mendaftar sebagai pemilih dan golongan ini juga terdiri daripada mahasiswa (Muhammad Lukman Al Hakim Bin Muhammad, 2010). Kesedaran politik rakyat Malaysia dari aspek pemilihan pemimpin buat masa kini perlu dipertingkatkan kerana laporan menunjukkan jumlah rakyat Malaysia yang menjadi pemilih pada Pilihan raya Umum Ke-13 (PRU13) adalah lebih rendah berbanding Pilihan raya Umum Ke-12 (PRU12). Jumlah rakyat Malaysia yang mendaftar sebagai pemilih pada PRU 13 ialah 7,916,703 ataupun 59.67% pengundi, SPR menyatakan terdapat 13,268,002 pengundi layak mengundi dalam PRU13. Semasa PRU12, SPR melaporkan sebanyak 76% iaitu 8,161,039 pemilih yang mendaftar sebagai pengundi daripada jumlah keseluruhan 10,740,227 pengundi. Keadaan ini seolah-olah menunjukkan bahawa rakyat Malaysia semakin hilang kesedaran politik untuk memilih wakil rakyat.

Justeru, wujud persoalan tentang keberkesanan proses sosialisasi politik diperingkat IPT, adakah sistem sosialisasi politik di IPT gagal untuk mencapai

matlamatnya? Keadaan ini sangat berbeza dengan laporan yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal-Ehwal Pelajar (BHEP), Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menunjukkan tahap penyertaan yang tinggi oleh mahasiswa dalam PRK dalam tempoh tiga tahun iaitu tahun 2011 sebanyak 85.18%, 2012 sebanyak 80.37% dan tahun 2013 sebanyak 82.88%, malah menurut bekas Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah, pada PRK 2011 terdapat jumlah pengundian oleh mahasiswa di sesebuah IPT mencapai tahap 95% (The Malaysian Insider, 21 Mac 2011). Kajian ini menggunakan teori sosialisasi politik untuk mengupas perbincangan isu ini, data yang digunakan untuk analisis penulisan ini dipungut menggunakan kaedah temubual mendalam (in-depth interview).

KAJIAN LITERATUR

Penulisan mengenai pendidikan demokrasi di peringkat IPT dapat dilihat melalui sebuah artikel yang ditulis oleh Julie A. Reuben, dimana beliau menulis mengenai isu ini dalam konteks Amerika. Penulisan tersebut mendefinisikan pendidikan demokrasi diperingkat IPT sebagai collegiate political education, penulisan bermula dengan menceritakan keterikatan gereja dan kolej dalam membentuk pendidikan demokrasi di kolej-kolej Amerika dan kemudian bagaimana bentuk pendidikan tersebut berkembang selepas zaman Revolusi Amerika. Selepas pembebasan Amerika dari pengaruh kolonial, pendidikan demokrasi di kolej-kolej Amerika telah berubah. Gereja-gereja tidak dapat lagi menahan para akademik dari menjelajah ilmu-ilmu baru. Akhirnya wujudlah idea non-partisan apabila sekularisasi terhasil dalam pendidikan demokrasi di Amerika, idea ini cuba memisahkan pentadbiran universiti dengan mana-mana pihak dalam keterikatan politik.

Satu lagi kajian mengenai pendidikan demokrasi telah ditulis oleh Kenneth D. Wald & Danielle Feinstein (2010), kajian ini ditulis dalam skop Israel. Penulisan tersebut menunjukkan mahasiswa Israel lebih matang dalam isu politik dan demokrasi kerana mereka perlu menghabiskan dahulu perkhidmatan ketenteraan yang dikenali sebagai *Israel Defense Forces* (IDF) sebelum meneruskan pengajian di universiti, kajian ini juga menunjukkan bahawa kombinasi latihan ketenteraan dan pendidikan diperingkat pengajian tinggi berjaya membentuk mahasiswa Israel yang lebih toleran terhadap rakyat Israel berbangsa Arab dan mereka juga lebih kukuh menjunjung prinsip kenegaraan mereka. Penulisan berkenaan menyimpulkan bahawa kombinasi pendidikan kenteraan dan pengajian tinggi mampu membentuk sistem pendidikan demokrasi yang berkesan. Amit B. Patel (2011) juga ada menulis mengenai isu pendidikan demokrasi diperingkat pengajian tinggi, penulisan ini mengkritik sistem pendidikan tinggi Amerika yang tidak menyentuh isu penyediaan mahasiswa sebagai masyarakat yang aktif dalam sistem demokrasi dan masyarakat sivil. Penulisan berkenaan mencadangkan penggunaan *Penn Democracy Project*¹ disetiap IPT di Amerika sebagai langkah penyelesaian masalah yang dibangkitkan.

¹Model kajian ini direka untuk menyediakan satu rangka kerja yang menyeluruh bagi pembangunan demokrasi politik di kalangan mahasiswa Amerika.

Penulisan ini juga mencadangkan jika universiti di Amerika ingin meningkatkan sistem pendidikan demokrasi, mereka perlu bekerjasama dengan komuniti awam, meningkatkan biasiswa dan memperbanyakkan program dan peluang inisiatif kepada mahasiswa.

Seterusnya penulisan mengenai pendidikan demokrasi ditulis oleh Byron G. Massialas (1970), penulisan ini menumpukan pendidikan demokrasi dikalangan belia. Penulisan tersebut mencadangkan empat cara untuk membentuk sistem pendidikan demokrasi dikalangan belia iaitu melalui sosialisasi politik dikalangan belia, pengkaderan, latihan dan pemilihan pemimpin dikalangan belia, integrasi antara politik dengan masyarakat dan yang terakhir pembentukan sebuah pertubuhan yang boleh mempengaruhi keputusan politik. Penulisan ini mencadangkan keempat-empat kaedah yang telah dinyatakan tadi dilaksanakan diperingkat institut pengajian belia (sama ada sekolah atau IPT), ini kerana kajian yang dilakukan oleh penulisan tersebut menunjukkan peratusan yang tinggi mengenai sikap masyarakat yang menerima pengajian peringkat tinggi terhadap penglibatan dalam sistem demokrasi.

KERANGKA TEORI

Kajian ini menggunakan teori sosialisasi politik untuk membentuk kerangka pemikiran penulisan (Dennis Kavanagh, 1987). Teori ini membahaskan bahawa proses sosialisasi individu yang tidak hanya bergantung pada proses mempolitikkan masyarakat yang dibentuk oleh ibu bapa tetapi terdapat agen-agen sosialisasi yang wujud seperti agensi-agensi pendidikan (sekolah, kolej & universiti) antara alam kanak-kanak dan alam dewasa seseorang individu yang turut menyumbang kepada pembentukan gaya pemikiran politik. Melalui teori ini diterangkan terdapat lima tahap yang membentuk gaya pemikiran individu melalui proses sosialisasi iaitu sosialisasi, keperibadian, kepercayaan politik, tingkah laku individu dan yang terakhir corak tingkah laku berkelompok.

Proses sosialisasi bermula dari tahap pertama melalui agen-agen sosialisasi lalu kemudian membentuk keperibadian dan kepercayaan individu, apabila idea melalui proses sosialisasi sudah berjaya membentuk pegangan individu kemudian ia akan cuba dikembangkan dalam kelompok individu tersebut, agen sosialisasi adalah institusi yang paling dekat dengan individu seperti institusi kekeluargaan, institusi pendidikan dan institusi masyarakat. Terdapat kajian yang menyatakan institusi pendidikan memainkan peranan yang lebih besar sebagai agen sosialisasi berbanding keluarga atau masyarakat seperti kajian yang dilakukan oleh Converse-Dupeaux yang mencadangkan bahawa suku daripada orang dewasa di Perancis tidak begitu berpihak pada pilihan ibu bapa mereka, di Amerika pula masyarakat dewasa dikenal pasti sebanyak tiga kali ganda mempunyai pilihan sebegini². Keadaan ini serupa seperti yang berlaku di Malaysia, kajian yang dilakukan oleh Azizi Yahaya menyatakan terdapat sepuluh faktor yang mempengaruhi pembentukan

² Kenyataan ini dipetik daripada buku tulisan Dennis Kavanagh, *Budaya Politik*.

personaliti remaja di Malaysia, tujuh daripadanya datang dari dalam diri individu berkenaan tetapi tiga faktor lagi datang daripada agen sosialisasi luaran iaitu budaya (masyarakat), keluarga dan sekolah (institusi pendidikan).

Keadaan di Malaysia memperlihatkan guru akan mempengaruhi perasaan individu terhadap diri individu itu sendiri dengan cara-cara guru membetulkan tingkahlakunya. Mereka mula melihat diri mereka daripada sudut pandangan guru sama ada sebagai pengacau, pengancam, kesayangan guru, si bodoh dan sebagainya. Interaksi antara guru dengan murid akan membentuk gaya pemikiran individu berkenaan, cara interaksi guru pula dibentuk daripada sistem di institusi pendidikan dan sistem dalam institusi pendidikan dibentuk oleh polisi pendidikan kerajaan yang memerintah (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012). Kepentingan institusi pendidikan sebagai agen sosialisasi yang lebih besar berbanding keluarga dan masyarakat dibuktikan lagi melalui penulisan dalam buku *The Civic Culture*, penulisan berkenaan menunjukkan bahawa penyertaan individu dalam membuat keputusan-keputusan sekolah dan pendedahan mereka kepada pelajaran tinggi menjadi fasilitator penyertaan dan kemampuan politik mereka. Penulisan berkenaan juga mendakwa bahawa kebanyakan institusi pendidikan yang penting bagi negara-negara baru dan juga negara-negara Komunis Eropah Timur ialah institusi pendidikan yang tunduk kepada arahan-arahan politik, keadaan ini berlaku di kedua-dua jenis negara berkenaan kerana mereka sedang dalam proses pembentukan semula budaya politik (Almod & Verba, 1989).

Perkaitan antara IPT di Malaysia dengan idea sosialisasi politik dapat dilihat melalui kenyataan Saifuddin Abdullah, beliau berkata ‘Pilihan raya kampus juga adalah platform terbaik bagi melatih mahasiswa menjadi pemimpin negara pada masa depan. Apabila memegang jawatan kelak, mereka ada tugas dan tanggungjawab yang besar terhadap negara’, beliau menambah lagi “Mahasiswa perlu tahu pilihan raya (kampus) diadakan bagi menyemarakkan pendidikan politik dan demokrasi di universiti, jadi diharapkan kesedaran mereka akan meningkatkan jumlah pengundi saban tahun” (Mohd. Saiful Mohd. Sahak & Norhidayu Mohd. Hassan, 2012). Kenyataan ini menggambarkan PRK sebagai satu mekanisme kepada sosialisasi politik di peringkat IPT, melalui mekanisme ini mahasiswa yang juga merupakan belia daripada generasi Y akan didedahkan kepada salah satu komponen demokrasi iaitu pilihan raya. Asyraf Wajdi Dusuki pernah berkata “Pilihan raya yang menjadi instrumen terpenting dalam sistem demokrasi perlu digunakan sebaiknya oleh rakyat untuk memilih pemimpin yang benar-benar berkemampuan menggalas tanggungjawab dan amanah demi kepentingan agama, bangsa dan membina tamadun umat gemilang” (Utusan Melayu, 27 Januari 2008), PRK akan memberi pengalaman/ pengetahuan kepada mahasiswa untuk merasai proses PRU dan proses memilih pemimpin dalam sistem demokrasi.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah Temu Bual Mendalam (*In Depth Interview*) untuk

memperoleh data daripada responden. Kutipan data dilakukan ke atas 20 orang mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM), sebelum kutipan data dilakukan pengkaji tidak menetapkan sebarang kuota terhadap responden dari segi agama atau jantina, matlamat pembahagian responden hanya untuk mengutip data dari tiga bangsa utama mahasiswa di UPM iaitu bangsa Melayu, Cina dan India. Pengkaji telah menyediakan soalan yang ingin ditanya kepada responden tetapi soalan berkenaan tidak menjadi kebergantungan kepada pengkaji semasa memperoleh data, pengkaji turut menggunakan soalan-soalan yang spontan supaya bentuk temu bual berkenaan menjadi lebih fleksibel. Oleh sebab kajian ini ingin mendapatkan data daripada mahasiswa UPM yang kebanyakannya merupakan pelajar tahun pertama (pertama kali turun mengundi dalam PRK) maka pengkaji menggunakan Soalan Pengenalan (Introduction Question) dan Probing Question, penceritaan pengalaman mahasiswa semasa mengundi diutamakan dalam memperoleh data kerana responden tidak dapat melihat PRK secara menyeluruh memandangkan pengalaman responden yang terhad. Kutipan data untuk kajian ini dilakukan pada 28 November 2013 iaitu pada hari pengundian PRK UPM, terdapat 6 kawasan pengundian yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus UPM iaitu Dewan Putera 1 (Kolej 13), Dewan Harmoni (Kolej 5), Dewan Putra 2 (Kolej Serumpun), Dewan Peperiksaan 1 (Fakulti Kejuruteraan), Makmal Komputer 2 (Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan) dan Kolej Sri Rajang (Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu), kesemua responden kajian ini ditemu ramah di keenam-enam kawasan pengundian.

ANALISIS DATA KAJIAN

Ciri-ciri Pemimpin Pilihan Mahasiswa

Mahasiswa UPM lebih memilih calon-calon PRK berdasarkan manifesto yang dibawa, mahasiswa melihat manifesto yang dibawa oleh calon PRK dan membandingkannya dengan masalah-masalah yang mereka hadapi, calon yang membawa manifesto yang selari dengan penyelesaian masalah mahasiswa mendapat keutamaan untuk dipilih. Antara ciri-ciri manifesto yang menjadi pilihan mahasiswa adalah yang berkaitan dengan isu kebijakan mereka seperti kediaman (kolej kediaman), makanan dan pengangkutan.

Ciri seterusnya yang menjadi pilihan mahasiswa UPM untuk memilih calon-calon PRK ialah melalui penampilan calon. Penampilan yang dimaksudkan terbahagi kepada penampilan fizikal (rupa) dan rohani (akhlak). Dari sudut penampilan fizikal, mahasiswa lebih cenderung untuk memilih calon PRK berdasarkan dua faktor iaitu pertama pemakaian baik dan kemas dan kedua wajah yang cantik atau kacak. Manakala dari sudut penampilan rohani pula mahasiswa memilih calon berdasarkan ciri kuat agama, berfikiran terbuka, akhlak mulia, jujur dan bersopan-santun. Seterusnya mahasiswa UPM memilih calon-calon PRK berdasarkan sifat kepimpinan calon PRK, mahasiswa melihat sama ada calon berkenaan mempunyai pengalaman memimpin (persatuan mahasiswa), sanggup membantu mahasiswa dan berani bersuara (memperjuangkan hak mahasiswa). Setiap calon PRK diberi masa untuk berkempen bagi memperkenalkan diri mereka kepada seluruh mahasiswa,

malah diadakan pentas terbuka untuk para calon berucap. Melalui cara ini mahasiswa dapat menilai tahap kepemimpinan calon-calon PRK.

Ciri lain yang menjadi pilihan mahasiswa untuk memilih calon-calon PRK ialah melalui latarbelakang calon, mahasiswa UPM lebih gemar memilih calon PRK yang mempunyai latarbelakang yang sama dengan mereka sama ada dari segi kolej kediaman atau fakulti, secara ringkasnya calon PRK yang dikenali lebih berpeluang untuk dipilih. Mahasiswa dapat mengenali latarbelakang calon-calon PRK ini jika calon berkenaan terlibat dalam persatuan diperingkat universiti, fakulti atau kolej kediaman, wajah-wajah yang sering kelihatan dalam persatuan peringkat universiti, fakulti atau kolej kediaman menjadi pilihan mahasiswa. Ciri seterusnya yang menjadi keutamaan mahasiswa UPM untuk memilih calon PRK ialah melalui kemampuan calon. Kemampuan ini diukur melalui keputusan akademik dan cara berkempen, tidak semua mahasiswa mempunyai peluang untuk mengenali calon dengan rapat maka cara mudah untuk menilai kemampuan calon ialah melalui ciri yang boleh diukur iaitu akademik dan soft skill calon PRK

Sebab Keluar Mengundi

Mahasiswa UPM menyatakan sebab utama mereka keluar mengundi adalah kerana bimbang jika tidak mengundi, mereka tidak dibenarkan untuk mendaftar kursus pada semester berikutnya. Sebelum hari pengundian, terdapat pihak yang telah menyebarkan risalah yang menyatakan mahasiswa yang tidak keluar mengundi tidak akan dibenarkan mendaftar kursus pada semester berikutnya. Informasi tersebut tidak dikeluarkan oleh pihak pentadbiran universiti dan pihak yang menyebarkannya tidak diketahui (berita palsu). Faktor lain yang mempengaruhi mahasiswa UPM untuk keluar mengundi semasa PRK ialah kerana rasa tanggungjawab, pada waktu ini bahang PRU-13 sudah mula dirasakan oleh mahasiswa, pelbagai kempen kesedaran sudah mula berlegar di media sosial dan tempiasnya sedikit sebanyak terkena kepada mahasiswa. Faktor seterusnya yang mendorong mahasiswa untuk keluar mengundi semasa PRK ialah kerana pihak pentadbiran universiti menawarkan merit kepada mahasiswa. Merit yang ditawarkan ini dapat membantu mahasiswa untuk kekal mendapat tempat di kolej kediaman. Oleh kerana tempat untuk mahasiswa di kolej kediaman adalah terhad, maka mahasiswa perlu mengumpul merit untuk membolehkan mereka terus tinggal di kolej kediaman, merit ini hanya boleh diterima apabila mahasiswa terlibat dengan sebarang program yang dianjurkan oleh pentadbiran universiti atau persatuan mahasiswa. Faktor terakhir yang mendorong mahasiswa UPM untuk mengundi semasa PRK ialah untuk memperoleh pengalaman kali pertama. Kebanyakan mahasiswa yang mengundi semasa PRK terdiri daripada mahasiswa tahun pertama yang tinggal di kolej kediaman, oleh sebab itu mereka itu mereka terdedah dengan kempen-kempen PRK yang kebanyakannya dilakukan di dalam kawasan kolej kediaman. Keadaan ini mendorong mereka untuk memperoleh pengalaman mengundi semasa PRK.

Pengetahuan Mengenai PRK

Mahasiswa UPM memberi dua bentuk jawapan apabila ditanya mengenai

kewujudan PRK, jawapan yang diberi adalah tahu dan tidak tahu. Mahasiswa yang tahu mengenai kewujudan PRK menyatakan mereka mendapat informasi mengenainya melalui media cetak (surat khabar), keluarga (yang pernah melalui pengalaman PRK) dan pengalaman semasa terlibat dalam pilihanraya di peringkat sekolah menengah dan matrikulasi. Mahasiswa yang tidak tahu mengenai PRK menyatakan mereka tidak pernah didedahkan mengenainya (melalui mana-mana saluran). Mereka juga menyatakan mereka adalah satu-satunya ahli keluarga yang berjaya memasuki universiti, keadaan ini menyebabkan tiada saudara terdekat yang pernah menceritakan pengalaman semasa di universiti (terutama pengalaman semasa PRK) kepada mereka.

Apabila ditanya soalan mengapa PRK diadakan, mahasiswa UPM menyatakan sebab utamanya ialah untuk memilih anggota Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Sepanjang kempen PRK, calon-calon PRK telah berkempen dengan mengajak mahasiswa untuk keluar mengundi, oleh itu mesej yang disampaikan secara tidak langsung mengaitkan kewujudan PRK dengan MPP. Mahasiswa menyatakan beberapa sebab mengapa MPP diperlukan antaranya ialah untuk menjadi jambatan antara pentadbiran universiti dengan mahasiswa, menyuarakan pandangan mahasiswa kepada pentadbiran universiti dan untuk memilih pemimpin mahasiswa. Mahasiswa UPM juga menyokong proses PRK dilaksanakan pada setiap tahun.

Pandangan Mengenai PRK Dan Politik Kampus

Mahasiswa UPM mempunyai pandangan yang agak berbeza mengenai PRK, antara pandangan yang diberi mengenai PRK menyatakan sistem pengundian PRK kurang dipercayai kerana dilakukan secara on-line. Mahasiswa lebih mempercayai sistem pengundian seperti yang dilakukan dalam PRU (pengundian secara manual/ menggunakan kertas). Namun terdapat kelebihan sistem pengundian on-line yang dilaksanakan menurut pandangan mahasiswa, sistem ini lebih cepat berbanding sistem manual (kertas), terdapat responden yang menyatakan proses pengundian yang dilakukan oleh beliau tidak lebih dari empat minit. Mahasiswa juga berpendapat aturan perjalanan PRK adalah tidak sesuai, ia sepatutnya diadakan lebih awal. PRK pada tahun tersebut diadakan pada bulan November, waktu ini adalah sangat rapat dengan ujian akhir semester. Tambahan pula mahasiswa akan bercuti selama dua bulan apabila ujian akhir semester tamat, keadaan ini tidak memberi manfaat kepada mahasiswa yang harus menumpukan perhatian terhadap ujian akhir semester dan kabinet MPP yang bakal diwujudkan semasa cuti semester berlangsung. Namun mahasiswa tetap memuji perjalanan proses PRK yang sistematik, para petugas PRK membantu mahasiswa mengundi dengan baik.

Mahasiswa UPM memberi pandangan yang berbeza apabila ditanya sama ada PRK menyebabkan perpecahan dikalangan mahasiswa. Terdapat responden yang menyatakan PRK sememangnya menyebabkan perpecahan antara mahasiswa kerana terdapat penyokong kumpulan mahasiswa tertentu yang tidak bertegur sapa apabila bertemu kerana berlainan sokongan terhadap calon PRK. Kumpulan

mahasiswa yang melakukan perbuatan sebegini datang dari kumpulan mahasiswa aliran Islamik. Responden menyatakan kumpulan mahasiswa Islamik ini berfikir mereka lebih 'bagus' berbanding kumpulan mahasiswa lain. Terdapat juga responden yang berpendapat PRK menyebabkan perpecahan antara mahasiswa mengikut kaum. Semasa PRK berlangsung terdapat kumpulan mahasiswa tertentu yang cuba membangkitkan sentimen perkauman. Kumpulan mahasiswa ini membawa slogan 'Mahasiswa Cina Sokong Mahasiswa Cina', mereka menggantung banner dikawasan-kawasan tertentu diseluruh kampus, kumpulan mahasiswa ini juga mewujudkan akaun facebook untuk mempromosikan idea tersebut dikalangan mahasiswa UPM.

Terdapat juga responden kajian yang berpendapat PRK tidak menyebabkan perpecahan mahasiswa kerana bagi mereka mahasiswa UPM sudah matang untuk memilih, keadaan ini terbukti berdasarkan terdapat beberapa orang calon PRK yang menyokong antara satu sama lain. Semasa PRK berkenaan berlangsung, terdapat beberapa kumpulan calon PRK yang diwujudkan secara tidak rasmi dan calon-calon kumpulan berkenaan menyokong calon kumpulan mereka untuk memenangi kerusi tertentu dalam MPP. Terdapat juga responden yang berpendapat PRK tahun tersebut berbeza dengan PRK pada tahun 2011, semasa PRK 2011 tela berlaku peristiwa mahasiswa memecahkan pintu bangunan pentadbiran kerana tidak berpuas hati dengan isu tertentu semasa PRK. Keadaan semasa PRK tahun tersebut sangat aman, tiada sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

Ada juga responden yang berpendapat PRK tidak menyebabkan perpecahan dikalangan mahasiswa kerana tiada sebarang berita pergaduhan yang beliau terima, responden ini tinggal di kolej kediaman yang agak terpencil dari kampus utama. Oleh itu sebarang berita di dalam kampus utama lambat untuk sampai kepada mereka.

Apabila ditanya mengenai politik kampus, mahasiswa UPM memberi pandangan yang positif. Suasana perjalanan politik kampus di UPM kelihatan lancar, tiada sebarang peristiwa yang melibatkan perbuatan radikal antara calon-calon PRK. Mahasiswa tidak bersetuju dengan tindakan membawa 'orang luar' masuk ke dalam kampus, keadaan ini bagi mahasiswa boleh menyebabkan keamanan UPM yang sedia ada tergugat. Sebelum kempen PRK bermula, terdapat kumpulan mahasiswa yang menyokong calon tertentu cuba membawa masuk tetamu yang bukan dari UPM ke dalam program mereka di dalam kawasan kampus. Pandangan yang berbeza dari responden mengenai penglibatan mahasiswa dalam politik kampus diperolehi melalui kajian ini. Terdapat responden yang mahu mahasiswa lebih menumpukan perhatian kepada bidang akademik kerana bagi beliau politik kampus perlu kendalikan dengan cara yang sederhana. Terdapat pula responden yang berpendapat mahasiswa UPM agak terkebelakang berbanding mahasiswa UM dalam politik kampus, responden berkenaan menyatakan mahasiswa UPM tidak begitu terdedah kepada isu-isu politik kampus malah mahasiswa UPM juga kelihatan takut untuk menyuarakan pendapat mereka.

PERBINCANGAN KAJIAN

Data yang diperoleh daripada mahasiswa UPM semasa PRK menunjukkan bahawa pihak pentadbiran universiti telah gagal untuk mendidik mahasiswa dengan sosialisasi politik, keadaan ini berlaku kerana mahasiswa gagal untuk memahami konsep demokrasi matang. Saifuddin Abdullah (2008) mendefinisikan demokrasi matang sebagai ahli-ahli (rakyat) berpartisipasi dengan penuh dan aktif termasuk dalam membuat keputusan, maksudnya di sini individu perlu berusaha melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan yang sepatutnya dalam membuat penilaian demokrasi agar mereka dapat berpartisipasi dengan aktif dalam proses-proses demokrasi. Namun jika dilihat data-data yang diberikan oleh mahasiswa-mahasiswa UPM menunjukkan mereka masih tidak mempunyai pengetahuan yang lengkap tentang demokrasi, sebagai contoh dalam isu pemilihan pemimpin. Menurut Mohd. Asri Zainul Abidin (2013), pemimpin yang baik perlu ada dua ciri penting yang telah dinyatakan oleh Al-Quran iaitu kuat dan amanah. Kuat bermaksud pemimpin yang mampu melaksanakan tanggungjawab yang diberi dan amanah bermaksud pemimpin yang tidak akan khianat terhadap harapan rakyat. Jika dilihat antara ciri-ciri pemimpin yang menjadi pilihan mahasiswa UPM yang tidak bertepatan dengan definisi pemimpin yang baik oleh Mohd. Asri Zainul Abidin ialah kecenderungan mahasiswa untuk memilih pemimpin berdasarkan penampilan fizikal calon PRK, mahasiswa memilih pemimpin mereka berdasarkan pemakaian baik dan kemas dan wajah yang cantik atau kacak sedangkan ciri berkenaan tidak berkaitan dengan kemampuan pemimpin untuk menjalankan amanahnya. Mahasiswa juga cenderung untuk memilih pemimpin mereka berdasarkan latarbelakang calon PRK, mahasiswa akan memilih calon PRK jika calon berkenaan mempunyai persamaan dengan mereka (fakulti atau kolej kediaman). Latarbelakang yang sama ini juga tidak menjamin pemimpin yang mahasiswa pilih itu mempunyai ciri-ciri kuat dan amanah.

Data seterusnya yang menunjukkan pentadbiran universiti telah gagal untuk mendidik mahasiswa dengan sosialisasi politik ialah melalui isu dorongan mahasiswa untuk terlibat dalam proses membuang undi semasa PRK. Menurut Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Wan Ahmad Wan Omar (2013), mengundi merupakan satu proses demokrasi yang penting kerana calon yang dipilih perlu menunaikan janji yang diberi sebelum proses pengundian, keadaan ini akan memberikan kebaikan kepada rakyat. Kenyataan ini bermaksud dorongan individu untuk terlibat dalam proses mengundi semasa pilihan raya perlu berdasarkan harapan untuk memperoleh kehidupan yang lebih baik, individu mengundi calon yang dirasakan dapat memenuhi kehendak kehidupan mereka yang tidak mencukupi. Namun jika dilihat data yang diberikan oleh mahasiswa UPM tentang sebab mereka keluar mengundi semasa PRK menunjukkan mereka tidak melakukan proses demokrasi berkenaan atas sebab yang betul. Antara sebab mahasiswa keluar mengundi semasa PRK ialah kerana kerana bimbang jika tidak mengundi, mereka tidak dibenarkan untuk mendaftar kursus pada semester berikutnya. Keadaan ini menunjukkan mereka keluar mengundi berdasarkan faktor

‘ketakutan’ dan bukannya ‘harapan’. Selain itu mahasiswa juga keluar mengundi kerana mereka dijanjikan merit oleh pihak pentadbiran universiti. Menurut Saifuddin Abdullah (2014), keadaan ini merupakan salah satu cara pentadbiran universiti memperkenalkan politik wang kepada mahasiswa. Dorongan sebegini tidak dapat mendidik mahasiswa untuk terlibat dalam proses demokrasi dengan motivasi yang betul.

Data lain yang menunjukkan pentadbiran universiti telah gagal untuk mendidik mahasiswa dengan sosialisasi politik ialah melalui pengetahuan mahasiswa tentang kewujudan PRK, terdapat mahasiswa yang menyatakan mereka tidak tahu tentang kewujudan PRK. Mahasiswa menyatakan mereka tidak pernah didedahkan oleh mana-mana saluran mengenai kewujudan PRK sebelum itu. Namun setiap mahasiswa perlu melalui sekurang-kurangnya minggu orientasi mahasiswa semasa mula-mula memasuki pengajian di universiti. Program berkenaan dikendalikan oleh pihak pentadbiran universiti, kelihatannya pihak pentadbiran universiti tidak mengambil berat tentang pendidikan demokrasi dikalangan mahasiswa dengan tidak memperuntukkan slot (program) berkenaan PRK. Menurut Mohd Idham Zainal Abidin (2010), minggu haluan siswa ataupun minggu suaikenal merupakan antara program wajib universiti yang melibatkan seluruh mahasiswa baru menjadi tapak pemula dimana mahasiswa mengetahui realiti tentang kampus dan gaya hidup dan cabaran sebagai seorang yang bergelar mahasiswa, namun program itu ternyata gagal apabila pengendalinya (pentadbiran universiti) membawa mahasiswa untuk terlibat di dalam program yang mengandungi isu-isu yang tidak relevan dengan dunia keintelektualan.

Data seterusnya yang menunjukkan pentadbiran universiti telah gagal untuk mendidik mahasiswa dengan sosialisasi politik ialah melalui pemilihan tarikh PRK. Pentadbiran universiti yang mengendalikan PRK telah memilih bulan November untuk mengadakan PRK sedangkan mahasiswa perlu menumpukan perhatian kepada peperiksaan akhir semester dan selepas itu cuti semester akan bermula menyebabkan MPP baru yang dipilih tidak dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik. Pentadbiran universiti seperti tidak mengambil berat tentang proses sosialisasi politik dikalangan mahasiswa dengan pemilihan tarikh PRK tersebut. Pentadbiran universiti seakan-akan mengadakan PRK semata-mata untuk memenuhi tuntutan Akta Universiti Dan Kolej Universiti (AUKU) dan tidak mepedulikan falsafah disebalik kewujudan PRK. Kegagalan pentadbiran universiti dalam sosialisasi politik dikalangan mahasiswa juga dapat dilihat dengan data yang mengatakan PRK menyebabkan perpecahan dikalangan mahasiswa. Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Haji Najib Tun Abdul Razak telah menyatakan dalam beberapa acara mengenai akibat buruk untuk Malaysia jika trend perpecahan semasa pilihan raya tidak ditangani (Jennifer Gomez & Yiswaree Palasamy, 2013). Terdapat kumpulan mahasiswa tertentu yang tidak berfikir terbuka dengan memperkecilkan kumpulan mahasiswa yang lain dan terdapat juga kumpulan mahasiswa yang berkempen menggunakan unsur-unsur perkauman. Keadaan ini menunjukkan mahasiswa masih tidak terdidik dari segi pengetahuan demokrasi yang sebenar iaitu untuk memilih

pemimpin dan polisi yang terbaik dan bukannya menghukum mana-mana kumpulan yang tidak sealiran.

KESIMPULAN

Setelah melihat kepada analisis data kajian ini, maka dapat disimpulkan bahawa proses sosialisasi politik dikalangan mahasiswa pada masa kini telah gagal mencapai matlamatnya. Agen sosialisasi politik yang terdiri daripada jabatan-jabatan dibawah pentadbiran univeristi telah gagal mendidik mahasiswa untuk memahami falsafah demokrasi. Keadaan ini ternyata berbeza dengan keadaan sebelum 1970-an di mana mahasiswa sangat terbuka kepada proses demokrasi dan terlibat secara aktif didalamnya (Muhammad Abu Bakar, 1973). Seharusnya agen sosialisasi politik pada masa kini perlu ditukar kepada agen sosialisasi politik sebelum 1970-an iaitu mahasiswa sendiri. Keadaan pada hari ini menyaksikan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dengan peruntukan kuasa melalui AUKU telah diberi mandat untuk menguruskan semua benda yang berkaitan dengan kehidupan mahasiswa di dalam kampus. Penguasaan BHEP terhadap mahasiswa pula dikawal oleh kerajaan yang memerintah juga melalui peruntukan AUKU (Mohd. Fauzi B Fadzil & Ku Hasnita Ku Samsu, 2014). Keadaan ini menyebabkan BHEP menjalankan proses sosialisasi politik dalam kerangka yang tidak bebas (sebarang idea atau isu yang tidak sealiran dengan golongan pemerintah tidak akan didedahkan kepada mahasiswa). Sejarah telah membuktikan apabila mahasiswa sendiri yang menjadi agen sosialisasi politik di dalam kampus, gerakan mahasiswa yang kuat dapat dihasilkan sehingga dapat mempengaruhi beberapa isu diperingkat nasional seperti isu bahasa kebangsaan, isu kemiskinan rakyat dan isu kepimpinan negara (Muhammad Abu Bakar, 1973).

Keadaan pada hari ini ternyata suram. Mahasiswa dilarang dari membicarakan sesuatu isu atau idea tanpa kebenaran dari Naib Canselor di dalam kampus. Malaysia pada hari ini menuju kepada zaman rejim Order Baru Indonesia di mana idea-idea tertentu dilarang untuk disuarakan yang akhirnya menyebabkan kemunduran pemikiran masyarakat. Namun selepas kejatuhan rejim Order Baru Indoneisa ternyata masyarakatnya lebih maju kehadapan berbanding Malaysia. Mahasiswa Indonesia pada hari ini sudah berjuang dalam isu-isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia manakala mahasiswa Malaysia masih terperangkap dalam perjuangan untuk menuntut kebebasan akademik (Yatna Pelangi, 2012). Justeru, satu perubahan dalam proses sosialisasi politik dikalangan mahasiswa perlu dilakukan, jika perubahan ini gagal dilaksanakan maka Malaysia kemungkinan besar akan menghadapi masalah seperti yang berlaku di Indonesia pada tahun 1990-an iaitu kejatuhan ekonomi dan ketidakstabilan politik.

RUJUKAN

- Almod & Verba. 1989. *The Civic Culture*. California: SAGE Publications.
- Amirul Azam Zulkafli. 2012. Pilihan Raya Kampus 2012: Pro M Lawan Aspirasi. Kuala Lumpur: Free Malaysia Today.
- Amit B. Patel. 2011. Democratic Political Socialization on University Campuses. Pennsylvania: College Undergraduate Research Electronic Journal (CUREJ).'
- Asyraf Wajdi Dusuki. 2008. Pilihan Raya Umum: Alat Atau Matlamat? Kuala Lumpur: Utusan Melayu.
- Azizi Hj. Yahaya. *Pembentukan Personaliti Remaja*, Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia. Artikel ini diperolehi daripada <http://eprints.utm.my/6034/1/aziziyah_personaliti.pdf>.
- Byron G. Massialas. 1970. *The School In The Political Socialization Of Children An Youth*. Washington D.C: Association for Supervision and Curriculum Development (ASCD).
- Dasar Pendidikan Kebangsaan Edisi Ketiga Cetakan Pertama. 2012. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Dennis Kavanagh. 1987. *Budaya Politik, Sosialisasi Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jennifer Gomez & Yiswaree Palasamy. 2013. *Di Bawah Tekanan, Kesederhanaan Adalah Cara Malaysia*. Kuala Lumpur: The Malaysian Insider.
- Julie A. Reuben. *Political Education of College Students: Learning from History*. Cambridge: Harvard Graduate School of Education.
- Kenneth D. Wald & Danielle Feinstein. 2010. *Higher Education and Political Attitude Change: Is Israel the Exception that Proves the Rule?*. Florida: Department of Political Science, University of Florida.
- Mohd. Asri Zainul Abidin. 2013. Dr - Asri Dua Syarat Menjadi Pemimpin Politik (Best). Artikel ini diperolehi daripada <<https://www.youtube.com/watch?v=aEX2rLJvepA>>.
- Mohd. Fauzi B Fadzil & Ku Hasnita Ku Samsu. 2014. Perjuangan Gerakan Mahasiswa: Apa Lagi Selepas Seksyen 15 AUKU?. Dalam Hasbie Muda (pnyt.). Mahasiswa Bangkit. Dungun: Megamind Leadership Consultancy.

- Mohd Idham Zainal Abidin. 2010. Minggu Haluan Siswa: Ibu Terkilan, Bapa Kesal. Kuala Lumpur: UM-Today.
- Muhammad Abu Bakar. 1973. *Mahasiswa Menggugat*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Muhammad Lukman Al Hakim Bin Muhammad. 2010. *Belia Dan Politik*. Artikel ini diperolehi daripada Blog Rasmi PEMBINA.
- Mohd. Saiful Mohd. Sahak & Norhidayu Mohd. Hassan (2012). Saingan Sengit Pilihan Raya IPTA. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia.
- Saifuddin Abdullah. 2014. Kelas Pencerahan Siri 18 - Forum: Mahasiswa Masih Lena?. Artikel ini diperolehi daripada <<https://www.youtube.com>>.
- Saifuddin Abdullah. 2008. Demokrasi Matang Perlu Demi Perubahan UMNO. Artikel ini diperolehi daripada Blog Rasmi Datuk Saifuddin Abdullah.
- Pilihanraya Kampus Indikator Kecenderungan Pelajar Dalam Politik', The Malaysian Insider, 21 Mac 2011.
- Wan Ahmad Wan Omar. 2013. Kepentingan Mengundi : Episod 04. Artikel ini diperolehi daripada <<https://www.youtube.com/watch?v=GNxgJu8iZv8>>.
- Yatna Pelangi. 2012. Mahasiswa Aceh Tolak Tokoh Gay Masuk Komnas HAM. Indonesia: Suara Kita.

Profil Penulis:

Mohd. Fauzi Bin Fadzil

*BSC (Hons) Business Information Technology With International Business.
Universiti Putra Malaysia.
unitedasian_idea@yahoo.com.my*